

12/05/2002

Diplomat kurang fasih bahasa Inggeris

KUALA KANGSAR: Masalah penguasaan bahasa Inggeris dengan baik bukan saja berlaku di kalangan graduan Melayu tetapi juga dialami diplomat negara hingga pihak antarabangsa hilang keyakinan memberikan tugas tertentu yang berkait dengan penggunaan bahasa berkenaan kepada negara ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Malaysia satu ketika dulu mendapat sepenuhnya kepercayaan bagi menyediakan kesimpulan ketika sidang pleno forum antarabangsa tetapi kini tugas itu diambil alih Filipina dan Thailand yang mempunyai diplomat yang menguasai dengan baik bahasa itu.

"Dulu apabila tiba sidang pleno atau membuat kesimpulan di forum antarabangsa perwakilan Malaysia diberi tugas menyediakan memorandum berkenaan.

"Bagaimanapun sekarang ini tugas ini diambil alih Thailand dan Filipina kerana diplomat kita kurang menyerlah (menguasai sepenuhnya bahasa Inggeris)," katanya ketika ditemui selepas majlis pengurniaan darjah dan pingat sempena Hari Keputeraan Sultan Perak, Sultan Azlan Shah ke-74 di Istana Iskandariah di sini, semalam.

Kelmarin Majlis Tertinggi (MT) Umno menolak cadangan diwujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris, sebaliknya penggunaan bahasa itu digunakan bagi dua subjek utama iaitu sains dan matematik, selain kesusasteraan Inggeris kontemporari turut diperkenalkan.

Tajol Rosli berkata, sekolah aliran Inggeris tidak sesuai diperkenalkan kerana ia menyulitkan jika urusan di pejabat kerajaan masih menggunakan Bahasa Melayu (BM).

Katanya, penggunaan bahasa Inggeris pada subjek sains dan matematik wajar kerana kebanyakan kandungan buku terutama sains komputer begitu pantas berubah menyebabkan usaha menterjemah ke dalam BM sukar dilakukan.

"Kita tidak sempat menterjemahkan buku dua subjek ini ke BM kerana kandungannya berubah begitu cepat terutama sains komputer," katanya.

"Penggunaan bahasa Inggeris ini bukan saja dapat mengatasi masalah itu tetapi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar," katanya.

Sementara itu, Tajol Rosli berkata, beliau turut berbangga atas kepercayaan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang melantik Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, sebagai Ketua Penerangan Umno yang dikosongkan Datuk Mustapa Mohamed.

Katanya, Perak bertuah kerana bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu adalah seorang pemimpin Umno di negeri itu.

"Latar belakang serta pengalaman Megat Junid khususnya di Kementerian Dalam Negeri selama 11 tahun membuatkan saya yakin beliau dapat menjalankan tugasnya sebagai Ketua Penerangan Umno dengan cemerlang," katanya.

Tajol Rosli juga berkata, cadangan menaikkan status Ketua Puteri Umno daripada ahli MT kepada kedudukan Naib Presiden Umno akan memberi penghormatan tertinggi kepada Puteri Umno.

"Ini juga akan mendorong supaya mereka bergerak lebih hebat lagi.

"Kita harap Puteri Umno dapat menambah bilangan ahli serta membantu Barisan Nasional memenangi pilihan raya akan datang," katanya.

(END)